



**6TH IFSB LEGAL SEMINAR ON
INNOVATION IN SUKŪK SECURITISATION AND ISLAMIC HEDGING INSTRUMENTS:
DEVELOPMENTS AND CHALLENGES
THE EMPIRE HOTEL AND COUNTRY CLUB
23 JAMADILAWAL 1435 BERSAMAAN DENGAN 25 MARCH 2014**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menjadi tuan rumah bagi Seminar Perundangan *Islamic Financial Services Board* (IFSB) yang ke-6 bertajuk Inovasi Dalam Pensekuritian Sukuk (*Sukuk Securitisation*) dan Instrumen Nilai Lindung Islam (*Islamic Hedging Instruments*): Perkembangan dan Cabaran-Cabaran pada 23 Jamadilawal 1435 bersamaan 25 Mac 2014 bertempat di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong.
2. Yang Mulia Mr Jaseem Ahmed, *Secretary General* IFSB dan Yang Mulia Rosdi Amin Yaakub, Timbalan Pengarah Urusan (Monetari & Perkhidmatan Korporat dan Kemajuan), AMBD telah menyampaikan kata-kata aluan diikuti ucaptama daripada Dato' Dr Nik Ramlah Mahmood, Timbalan Ketua Eksekutif, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. YM Rosdi Amin telah menyatakan bahawa seminar berkenaan mencerminkan kerjasama rapat dan komitmen di antara pihak IFSB bersama dengan pihak industri dalam mengembangmajukan industri perkhidmatan kewangan Islam.
3. Seminar tersebut telah dihadiri oleh lebih daripada 160 orang yang terdiri daripada peserta-peserta tempatan dan luar negara daripada bank-bank pusat, agensi-agensi pengawalseliaan, institusi-institusi kewangan, firma-firma profesional dan juga institusi-institusi pengajian tinggi. Seterusnya, seminar perundangan ini telah disampaikan oleh beberapa penceramah tempatan dan luar negara iaitu daripada Dubai, Malaysia, Nigeria, Singapura dan United Kingdom.
4. Seminar perundangan tersebut telah dibahagikan kepada 3 sessi di mana panel penceramah memberikan pandangan dan ulasan terhadap perkembangan dan progres terkini dalam rangka kerja perundangan berhubung dengan pensekuritian aset-aset dan penstrukturran sukuk di beberapa jurisdiksi; inovasi terhadap kontrak nilai lindung islam dan peranan lembaga penasihat syariah dalam memberikan nasihat dan tadbir urus syariah bagi produk-produk *sophisticated* seperti sukuk dan *Islamic derivative instruments*.
5. *Islamic Financial Services Board* (IFSB) yang ditubuhkan pada 3 November 2002 berpejabat di Kuala Lumpur, Malaysia. IFSB adalah badan penetapan piawaian antarabangsa bagi agensi-agensi pengawalseliaan yang mempunyai kepentingan dalam memastikan kekuahan dan kestabilan industri perkhidmatan kewangan Islam, yang mana termasuk perbankan, pasaran modal dan insurans. Pada 31 Disember 2013, IFSB mempunyai seramai 185 ahli, terdiri daripada 58 buah agensi-agensi pengawalseliaan, 8 buah organisasi *inter-governmental* antarabangsa, 112 buah institusi-institusi kewangan dan firma-firma profesional dan juga organisasi pengawalseliaan sendiri (*self-regulatory organisations*) yang beroperasi dalam 45 buah juridiksi.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh : 23 Jamadilawal 1434 / 25 Mac 2014
Ruj : AMBD/IFSB/2014